

13 APR 2001

Mahathir-Vaisakhi

SETIAP RAKYAT ADA HAK TIDAK KIRA IA KAUM MAJORITI ATAU MINORITI

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata setiap rakyat Malaysia, tidak mengira sama ada ia daripada kaum majoriti atau minoriti, tetap mempunyai hak masing-masing yang dijamin kerajaan.

Perdana Menteri berkata tidak ada diskriminasi perkauman di Malaysia dan semua kaum bebas mengamalkan agama, budaya dan bahasa mereka tanpa gangguan.

"Kita di Malaysia sesungguhnya amat bertuah kerana di negara kita yang berbilang kaum dan agama ini terdapat pelbagai budaya dan adat resam yang semestinya harus kita hargai sebagai khazanah yang dapat memperkayakan budaya kita sebagai rakyat di negara ini," katanya dalam perutusan sempena perayaan Hari Vaisakhi.

Hari Vaisakhi yang diraikan masyarakat keturunan Sikh merupakan perayaan yang dikaitkan dengan musim menuai di zaman silam. Ia juga diraikan untuk "menyucikan diri" dan menyeru ke arah kebaikan umat manusia sejagat.

Dr Mahathir berkata kaum Sikh merupakan satu daripada kaum minoriti di Malaysia yang tetap menerima layanan yang sama dan tidak ada halangan atau diskriminasi bagi mereka untuk mengamalkan kepercayaan dan adat resam mereka di samping membina rumah ibadat mereka.

"Ini sebenarnya adalah nikmat bagi kita rakyat Malaysia. Kita perlu menghargai dan mensyukuri segala kesenangan dan keamanan yang kita alami sebagai rakyat Malaysia dan terus bekerja keras untuk memperbaiki lagi keadaan ini," katanya.

Perdana Menteri berkata walaupun rakyat negara ini terdiri daripada kaum yang berbeza daripada semua segi, namun sifat toleransi yang diamalkan selama ini berjaya memupuk semangat bersatu padu yang sememangnya menjadi amalan majoriti rakyat.

Beliau berkata di sesetengah negara lain, kaum minoriti bukan sahaja ditindas malah tidak dapat mengamalkan bukan sahaja budaya tetapi juga agama mereka.

"Tetapi ini tidak berlaku di Malaysia. Hasil kebijaksanaan pemerintahan kita sejak merdeka, kita telah mengamalkan perpaduan dan keharmonian berasaskan sifat toleran dan kerjasama antara kaum," katanya.

Dr Mahathir berkata adalah amat malang sekali jika hanya untuk kepentingan diri atau kaum, rakyat negara ini sanggup menggadaikan keharmonian dan keamanan.

Katanya setiap perbezaan yang wujud tetap boleh diselesaikan melalui rundingan.

"Kita terdiri daripada rakyat yang bersikap toleran dan berfikiran rasional dan tidak ada sebab mengapa kita harus terlalu mengikut nafsu dan emosi untuk menyelesaikan apa-apa masalah kerana ini akan hanya membawa kepada kehancuran dan kemusnahan," katanya.

Dr Mahathir berharap sempena Hari Vaisakhi semua rakyat Malaysia dan bukan sahaja kaum Sikh, akan merenung dan menghargai segala kebaikan dan kejayaan yang dicapai sebagai rakyat sebuah negara merdeka dan berazam memperbaiki keadaan serta mempererat lagi hubungan sesama sendiri.

Dr Mahathir dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut mengucapkan selamat menyambut Vaisakhi kepada semua rakyat Malaysia, terutamanya yang berketurunan Sikh.

-- BERNAMA

HS HS AKD